

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[KUALA PILAH-BN]**

**SOALAN NO. 247**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah KBS merancang dalam melaksanakan program pertukaran belia berkemahiran di Malaysia dan negara-negara Asean sejajar dengan matlamat TN50.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa merancang dan melaksanakan program pertukaran belia berkemahiran dengan negara-negara Asean. Pada tahun 2013, Kementerian telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Kementerian Pemuda dan Olahraga, Indonesia iaitu kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan Politeknik TEDC Bandung.
2. Pada tahun 2016 pula, seramai 100 pelajar daripada Politeknik TEDC Bandung dari bidang mekanikal, elektrik, automasi dan multimedia telah ditempatkan di IKTBN Chembong, IKTBN Dusun Tua, IKBN Kuala Langat dan IKTBN Bukit Mertajam untuk tempoh selama sebulan. Manakala Kementerian telah menghantar 5 orang pengajar bagi menjalani latihan terutamanya yang berkaitan **Work Based Learning** di Politeknik TEDC.
3. Bagi tahun 2017, KBS sedang merancang program bersama Kementerian Pemuda Dan Olahraga atau Kementerian Riset, Teknologi dan Pendidikan Tinggi, Indonesia agar program bersama Politeknik TEDC diteruskan lagi. KBS juga akan melihat peluang pertukaran belia kemahiran di institusi lain seperti di Institute Technical Education (ITE) Singapore.

Sekian, terima kasih.